

Headline	Puspakom edar 2,000 Buku Panduan Pemeriksaan Teksi		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	08 Jan 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	25	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	265 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,286
Frequency	Daily	PR Value	RM 15,858



Puspakom edar 2,000 Buku Panduan Pemeriksaan Teksi

SHAH ALAM 7 Jan. - Puspakom Sdn. Bhd. (Puspakom) telah mengedarkan 2,000 naskhah Buku Panduan Pemeriksaan Teksi terbitan khas kepada semua pengusaha dan pemandu teksi secara percuma di Lembah Klang, Johor Bahru dan Pulau Pinang.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Mohammed Shukor Ismail berkata, ini bagi memberi penerangan dan pemahaman lebih jelas mengenai piawaian pemeriksaan Teksi, Teksi Eksekutif dan TEKS1M yang perlu dipatuhi.

Menurutnya, buku panduan itu juga boleh didapati di laman web Puspakom di <http://www.puspakom.com.my/ms/media-a-semasa/brochures/buku-panduan-pemeriksaan-teksi.html> dengan memuat turun buku tersebut bagi kemudahan pengusaha dan pemandu teksi.

"Susulan daripada beberapa sesi dialog bersama pengusaha dan pemandu teksi, kami dimaklumkan bahawa sesetengah daripada mereka masih tidak memahami mengenai piawaian pemeriksaan teksi.

"Sehubungan itu, kami mengambil inisiatif menerbitkan dan mengedarkan buku panduan ini untuk memberi maklumat dan kesedaran kepada industri teksi khususnya kepada pengusaha dan pemandu teksi semasa mereka menjalani Pemeriksaan berkala setiap enam bulan di Puspakom," katanya dalam kenyataan akhbar di sini.



Susulan daripada beberapa sesi dialog bersama pengusaha dan pemandu teksi, kami dimaklumkan bahawa sesetengah daripada mereka masih tidak memahami mengenai piawaian pemeriksaan teksi."

MOHAMMED SHUKOR ISMAIL
Ketua Pegawai Eksekutif Puspakom

Tambahnya, buku panduan itu diharap dapat membantu pemandu lebih memahami serta mematuhi Akta Pengangkutan Jalan 1987 dalam memastikan teksi mereka berada pada tahap yang baik.

Ujarnya, ini secara tidak langsung dapat meningkatkan keselamatan penumpang, pemandu dan juga pengguna jalan raya yang lain.

"Isi kandungan buku panduan ini memperincikan semua tahap pemeriksaan.

"Ini termasuk pemeriksaan bahagian atas dan bawah kenderaan, ujian pengeluaran asap, pemeriksaan ketelusan cahaya, brek dan meter laju," katanya.

Utusan

Headline	Puspakom edar 2,000 Buku Panduan Pemeriksaan Teksi		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	08 Jan 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	25	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	265 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,286
Frequency	Daily	PR Value	RM 15,858



WAKIL Puspakom (kanan) menyerahkan Buku Panduan Pemeriksaan Teksi kepada seorang pemandu teksi di Shah Alam, Selangor, baru-baru ini.